

MUI FA/2 V.8

DID : 3591120  
FAX : 2537572

03 Ogos 2000

Encik Abdullah Bin Joffri  
Apt Blk 420 Ang Mo Kio Ave 10  
#07-1113  
Singapura 560420

*Assalamu'alaikum wr. wb.*

Tuan,

**WASIAT HJ YUSOFF BIN MOHD NOOR**

Saya rujuk kepada pertanyaan tuan di atas.

Soalan tuan telah dikemukakan kepada pihak Jawatankuasa Fatwa bagi pertimbangan mereka. Tuan telah bertanya mengenai wasiat al-Marhum Hj Yusoff Bin Mohd Noor yang telah mewasiatkan harta peninggalannya melalui "Grant of Probate" di Mahkamah Tinggi. Wasiat tersebut berupa sebuah rumah di alamat 717 North Bridge Road untuk diberikan kepada anak daripada isterinya yang pertama, dan sebuah rumah di alamat 73 Sultan Gate untuk diberikan kepada anak-anak daripada isterinya yang kedua. Soalan tuan bersangkutan dengan perkara berikut :

- i. Sejauh manakah kesahihan wasiat tersebut;
- ii. Jika tidak sah, mereka bersepakat untuk membahagikan harta peninggalan al-Marhum mengikut hukum faraidh.

Berikut adalah fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa, Majlis Ugama Islam Singapura mengenai pertanyaan tuan:

بسم الله الرحمن الرحيم  
الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على سيد المرسلين وإمام المتقين  
نبينا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين . اللهم أرنا الحق حقا وارزقنا اتباعه ،  
وأرنا الباطل باطلا وارزقنا اجتنابه . وبعد ،



Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa wasiat al-Marhum Hj Yusoff bin Mohd Noor berupa sebuah rumah beralamat 717 North Bridge Road untuk diberikan kepada anak isteri pertamanya dan sebuah rumah di Sultan Gate untuk diberikan kepada isterinya yang kedua dan anak-anaknya adalah tidak sah disebabkan kesemua mereka adalah daripada pewaris si mati kerana Rasulullah s.a.w telah bersabda :


"إن الله قد أعطى كل ذي حق حقه، فلا وصية لوارث"

ertinya : "Sesungguhnya Allah telah memberi hak kepada setiap pewaris mengikut hak masing-masing. Maka tidak sah mewasiatkan pusaka kepada waris".

Jawatankuasa Fatwa juga berpendapat pusaka al-Marhum hendaklah dibahagikan kepada pewaris mengikut hukum faraidh.

الله أعلم ، وبالله التوفيق ، وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم.

Wassalam.



SYED ISA MOHD BIN SEMAIT  
MUFTI NEGARA SINGAPURA  
PENGERUSI, JAWATANKUASA FATWA  
MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA

G:\Religious Authority\Fatwa\Correspondence on Fatwa\Jaw118\_Wasiat Hj Yusoff